



e-ISSN: 0128-0902
ISSN 2289-9634

Available online at <https://jcis.uitm.edu.my>

Journal of Contemporary Islamic Studies 10(3) 2024

Journal of
Contemporary
Islamic Studies

Konsep Fiqh Al-Ta'ahhub (Fiqh Kesiap Siagaan) Dalam Pengurusan Industri Halal

(The Concept Of Fiqh Al-Ta'ahhub (Jurisprudence of Preparedness) In The
Management of The Halal Industry)

Muhamad Afiq Abd Razak^{1*}, Ammar Ismail¹, Mohd Zaid Daud¹

¹Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 24 July 2024

Accepted 20 September 2024

Published 9 Disember 2024

Keywords:

fiqh al-ta'ahhub
jurisprudence of preparedness
fiqh tawaququ'
halal
risk

Katakunci:

fiqh al-ta'ahhub
fikah kesiap siagaan
fiqh tawaququ'
halal
risiko

DOI:

<https://doi.org/10.24191/jcis.v10i3.11>

ABSTRACT

Fiqh al-ta'ahhub (فقه التأهب) is a concept derived from fiqh al-tawaququ' (فقه التوقع), which focuses on the jurisprudence of preparedness. Fiqh al-ta'ahhub specifically aims to establish a methodology for addressing future risks across various domains, such as life, management, and beyond. In the context of the halal industry, challenges and risks, particularly in maintaining halal integrity, necessitate effective management. This aligns closely with the concept of fiqh al-ta'ahhub, making it a relevant framework for addressing these issues. However, scholarly discourse on this jurisprudence remains limited. Therefore, this study was conducted to expand the concept of fiqh al-ta'ahhub and analyse its application in halal industry management. Employing a fully qualitative approach, the study utilised library research for data collection, while data analysis was conducted using content analysis methods. The findings reveal that risk management within the halal industry aligns with Islamic principles, which are encapsulated within the framework of fiqh al-ta'ahhub. The study highlights the need for further research to develop this concept in greater detail and strengthen its practical application.

ABSTRAK

Fiqh al-ta'ahhub (فقه التأهب) merupakan satu konsep di bawah fiqh al-tawaququ' (فقه التوقع) iaitu fiqh mengenai kesiap siagaan. Fiqh al-ta'ahhub bertujuan untuk membawa satu metodologi dalam menghadapi risiko yang mendatang sama ada dalam aspek kehidupan, pengurusan dan lain-lain. Sehubungan itu, pengurusan industri halal menghadapi pelbagai cabaran serta risiko yang perlu dikawal, antaranya pemeliharaan integriti

^{1*} Corresponding author. E-mail address: muhamadafiq@uitm.edu.my
<https://doi.org/10.24191/jcis.v10i3.8>

halal. Hal ini sangat bertepatan dengan konsep *fiqh al-ta'ahhub*. Walau bagaimanapun, perbincangan mengenai fikah ini masih belum banyak dibincangkan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengembangkan konsep *fiqh al-ta'ahhub* dan mengupasnya dalam perspektif pengurusan industri halal. Kajian ini menggunakan metode kualitatif sepenuhnya iaitu melalui kajian perpustakaan bagi pengumpulan data. Sementara itu, analisis data dilakukan menggunakan kaedah analisis kandungan. Berdasarkan dapatan kajian, didapati bahawa pengurusan risiko dalam industri menepati tuntutan dalam Islam, yang dapat dirangkumkan dalam konsep *fiqh al-ta'ahhub*. Kajian lanjut diperlukan agar konsep ini dapat dikembangkan dengan lebih terperinci.

PENDAHULUAN

Kesiap siagaan merupakan keadaan penting dalam menghadapi ancaman dan risiko sesuatu perkara yang tidak diingini. Risiko, secara umumnya, merujuk kepada ketidakpastian terhadap berlakunya sesuatu insiden atau perkara yang boleh memberi kesan kepada kehidupan seperti bencana, kemalangan, dan lain-lain. Dalam Islam, pengurusan risiko melalui konsep kesiap siagaan turut dituntut kerana ia mempunyai nilai yang selari dengan prinsip yang digariskan dalam al-Quran dan Sunnah. Malah, dalam konteks sirah dan sejarah Islam, banyak bukti menunjukkan bahawa kesiap siagaan terhadap sesuatu perkara yang bakal berlaku merupakan penentu kejayaan dan keutuhan.

Perbincangan mengenai risiko dalam Islam telah banyak dibincangkan oleh para sarjana. Namun begitu, rata-ratanya perbincangan pengurusan risiko lebih banyak menumpukan kepada aspek muamalat harta. Antara yang terawal membincangkan konsep risiko adalah Elgari (2003), yang memperkenalkan konsep *mukhātarah*. Walau bagaimanapun, perbincangannya hanya tertumpu pada isu kewangan Islam. Tidak dapat dinafikan bahawa kajian mengenai halal semakin mendapat perhatian mutakhir ini. Pelbagai bentuk risiko telah dikaitkan dengan industri halal. Radzi et al. (2016) mengklasifikasikan risiko dalam pengurusan bekalan makanan halal kepada beberapa kategori, iaitu risiko penghasilan, risiko pembelian, risiko pematuhan halal, risiko permintaan, dan risiko perolehan. Walau bagaimanapun, kajian terperinci terhadap konsep risiko secara asas berdasarkan perspektif Islam serta perkaitannya dengan kesiap siagaan masih kurang diberi perhatian dalam konteks pengurusan halal. Hal ini diperkuatkan oleh dapatan kajian *Systematic Literature Review (SLR)* yang dijalankan oleh Radin Eksan (2020), yang mendapati bahawa kajian berkaitan pengurusan risiko halal adalah amat terhad dan tidak mencukupi. Tambahan pula, perbincangan khusus berkenaan konsep kesiap siagaan menurut Islam juga didapati terhad berdasarkan kajian perpustakaan. Dalam era moden ini, pemikiran yang berorientasikan kesiap siagaan amat penting untuk menghadapi pelbagai ancaman atau musibah, agar persediaan yang lebih baik dapat dilakukan dan impak negatif seperti kematian, kecederaan, kehilangan harta benda, dan sebagainya dapat diminimumkan. Pendekatan ini bukan sahaja relevan dalam pengurusan halal tetapi juga dalam kehidupan sejagat.

Terdapat banyak peristiwa di luar jangkaan yang memberi kesan signifikan terhadap kehidupan seharian, antaranya ialah penularan wabak Covid-19 (Abd Razak & Ramli, 2022). Fenomena seperti ini berlaku dalam keadaan yang tidak diduga dan tidak diketahui, memberi impak besar kepada manusia sejagat. Bertitik tolak daripada itu, umat Islam perlu bersikap proaktif dalam menghadapi sebarang kemungkinan agar implikasi daripada sesuatu kejadian dapat diatasi dengan baik. Pendekatan ini dapat dimanfaatkan melalui aplikasi *fiqh tawaqqu'* (Hassan & Kamarulzaman, 2023) dan *fiqh al-ta'ahhub*. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk mengupas konsep *fiqh al-ta'ahhub* serta kaitannya dengan *fiqh tawaqqu'*. Kajian ini difokuskan kepada skop pengurusan industri halal bagi melihat aplikasinya dalam konteks tersebut. Pendekatan ini penting untuk memahami peranan pengurusan risiko dalam menghadapi ancaman terhadap integriti halal, yang mana asas-asasnya selari dengan tuntutan agama.

METODOLOGI

Kajian ini memfokuskan kepada tiga objektif utama. Pertama, mengkaji konsep *fiqh al-ta'ahhub*. Kedua, mengenal pasti asas dan sandaran kepada pembangunan *fiqh al-ta'ahhub*. Ketiga, menganalisis aplikasi *fiqh al-ta'ahhub* dalam konteks pengurusan industri halal. Kajian ini dijalankan sepenuhnya menggunakan kaedah kualitatif, iaitu melalui kajian perpustakaan bagi tujuan pengumpulan data. Bagi analisis data pula, pendekatan analisis kandungan digunakan terhadap bahan-bahan bertulis serta sumber lain yang berkaitan dengan konsep *fiqh al-ta'ahhub*.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Konsep *Fiqh al-Ta'ahhub*

Perbincangan mengenai kesiap siagaan telah menjadi sebahagian daripada sejarah Islam dan turut mempunyai isyarat yang jelas di dalam al-Quran. *Fiqh al-ta'ahhub* merupakan himpunan kaedah atau tatacara yang berperanan sebagai persediaan dalam menghadapi sesuatu perkara atau situasi yang mungkin berlaku dalam kehidupan manusia. Dengan kata lain, ia adalah sebuah metode untuk menyediakan persiapan bagi menghadapi perkara yang mendatang, khususnya yang berpotensi memberi kesan dan implikasi negatif kepada manusia.

Istilah *fiqh al-ta'ahhub* diperkenalkan oleh ulama maqasid, iaitu Syeikh Dr Ahmad al-Raysuni (al-Raysuni, 2023). Menurut beliau, *fiqh al-ta'ahhub* berkait rapat dengan *fiqh al-tawaqqu'*, iaitu *fiqh* yang menumpukan kepada masa hadapan. Al-Raysuni menegaskan bahawa *fiqh al-tawaqqu'* tidak terhenti sekadar memahami realiti semasa, tetapi juga memerlukan pengetahuan tentang realiti yang bakal berlaku di masa hadapan. Dalam membangunkan konsep ini, al-Raysuni menjelaskan bahawa kefahaman tentang kesiap siagaan melibatkan dua bentuk pengetahuan, iaitu: (1) pengetahuan tentang realiti semasa (*ma'rifah al-wāqi'*); dan (2) pengetahuan tentang perkara yang bakal berlaku di masa hadapan (*ma'rifah al-tawaqqu' li al-mustaqbal*). Setelah memahami kedua-dua bentuk pengetahuan ini, langkah seterusnya adalah menganalisis dua aspek berikut: (1) segala kemungkinan yang mungkin berlaku (*jamī' al-ihtimālāt*); dan (2) segala pilihan yang ada untuk mengatasi perkara tersebut (*jamī' al-ikhtiyārāt*). Al-Raysuni turut menjelaskan bahawa proses ini perlu merangkumi semua kemungkinan, sama ada potensi kemungkinan buruk atau situasi negatif (*ihtimāl sayyi'ah*) dan juga kemungkinan baik atau situasi positif (*ihtimāl ḥasanah*). Namun begitu, perhatian utama harus diberikan kepada kemungkinan buruk terlebih dahulu sebelum mempertimbangkan kemungkinan baik (al-Raysuni, 2023).

Tasawur yang jelas terhadap kedua-dua perkara ini memerlukan kepada *suu' al-zhann*, iaitu sangkaan tidak baik atau gambaran terhadap situasi terburuk yang boleh berlaku. Hal ini bertujuan untuk memastikan keberhati-hatian dalam menghadapi situasi tersebut. Namun, perlu ditekankan bahawa *suu' al-zhann* di sini tidak merujuk kepada bersangka buruk terhadap manusia atau sesama mukmin kerana perbuatan ini ditegah dalam Islam. Sebaliknya, ia merujuk kepada sangkaan negatif atau jangkaan buruk (*worst-case scenario*) terhadap kemungkinan insiden yang tidak diingini bagi mewujudkan kewaspadaan dan langkah pencegahan. Matlamat utama pendekatan ini adalah untuk menghindari keadaan yang tidak diingini dan, sekiranya berlaku, mengurangkan kesan atau impaknya. Interaksi terhadap *suu' al-zhann* mempunyai asas dan peranan penting yang menjadi fokus dalam pendekatan *fiqh al-ta'ahhub*, sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Raysuni (2023):

1. Membuat perkiraan kepada perkara buruk yang berpotensi berlaku;
2. Membuat penelitian mendalam kepada perkara tersebut;
3. Membuat kesemua kemungkinan (*ihtimalāt*) sama ada yang bersifat kemungkinan buruk (*ihtimalāt sayyi'ah*) mahupun kemungkinan baik (*ihtimalāt ḥasanah*).

Pada peringkat ini, al-Raysuni (2023) menjelaskan bahawa metode ini dikenali sebagai *manhaj al-ihtiyāt* (metode keberhati-hatian) dan *'aqliyyah al-ihtiyāt* (minda keberhati-hatian). Metode ini membentuk satu cara berfikir yang sentiasa berwaspada dan bersedia menghadapi semua kemungkinan, sama ada baik mahupun buruk. Pendekatan ini bukan sahaja relevan dalam menghadapi bencana, tetapi juga dapat diaplikasikan dalam pelbagai aspek kehidupan manusia, seperti pengurusan risiko, perancangan masa hadapan, dan lain-lain.

Dalil Sandaran *Fiqh al-Ta'ahhub*

Al-Raysuni (2023) menyandarkan *fiqh al-tawaquq* dan *fiqh al-taa'hub* kepada dalil al-Quran:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dan hendaklah setiap orang memperhatikan apa yang telah diperbuatnya untuk hari esok (akhirat), dan bertakwalah kepada Allah. Sungguh, Allah Mahateliti terhadap apa yang kamu kerjakan.

Surah al-Hasyr, 59: 18

Menurut *Tafsir al-'Azīm* oleh Ibn Kathir, ayat tersebut menyeru umat Islam untuk melakukan muhasabah diri sebelum diminta bertanggungjawab di hadapan Allah SWT. Ia menggalakkan seseorang untuk meneliti bekalan amal soleh yang disediakan sebagai persiapan menghadapi hari akhirat (Ibn Kathir, 2000). Dalam *Tafsir Fī zilāl al-Qur'ān* oleh Sayyid Qutb, beliau menghubungkan ayat ini dengan konsep takwa, yang merangkumi sikap waspada dan kesedaran tentang kehadiran Allah SWT. Sifat takwa ini membuatkan seseorang merasa takut dan malu sekiranya berada dalam situasi yang tidak diredai Allah SWT. Menurut Sayyid Qutb, ayat ini menggalakkan individu untuk memeriksa simpanan amal dalam 'buku kira-kira' mereka, sekali gus menyedarkan mereka tentang kelemahan dan kekurangan yang perlu diperbaiki (Qutb, 2003). Hamka (1990) dalam *Tafsir al-Azhar*, menjelaskan bahawa perkataan *نظر* dalam ayat ini bermaksud berjaga-jaga dan memikirkan sesuatu dengan mendalam (*tafakkur*). Beliau menegaskan pentingnya refleksi yang panjang bagi memastikan tindakan yang diambil adalah berasaskan pertimbangan yang bijaksana (Hamka, 1990). Al-Raysuni (2023) pula menekankan bahawa ayat ini bukan sahaja relevan untuk persiapan akhirat tetapi juga untuk urusan kehidupan seharian. Ia mengajarkan pendekatan yang menyeluruh dalam berfikir dan bersiap sedia menghadapi cabaran serta risiko masa hadapan. Peredaran masa yang pantas menuntut manusia untuk sentiasa berwaspada dan bersedia dengan strategi yang komprehensif.

Dalam konteks perang, al-Quran menganjurkan agar umat Islam membuat persediaan yang mencukupi untuk menghadapi musuh, termasuk memiliki kekuatan dan elemen yang mampu menggentarkan mereka. Ini berdasarkan firman Allah SWT:

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَّا اسْتَطَعْتُمْ مِّن قُوَّةٍ وَمِن رِّبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهَبُونَ بِهِ ۚ وَعَدُّوا لِلَّهِ وَعَدُّوْكُمْ وَعَاخِرِينَ ۚ مِّن دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ ۚ وَمَا تُنْفِقُوا مِن شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تظَلُمُونَ ﴿٦٠﴾

Dan persiapkanlah dengan segala kemampuan untuk menghadapi mereka dengan kekuatan yang kamu miliki dan dari pasukan berkuda yang dapat menggentarkan musuh Allah, musuhmu dan orang-orang selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya; tetapi Allah mengetahuinya. Apa saja yang kamu infakkan di jalan Allah nescaya akan dibalas dengan cukup kepadamu dan kamu tidak akan dizalimi (dirugikan).”

Surah al-Anfal, 8: 60

Ayat ini menegaskan bahawa persediaan adalah kunci dalam menghadapi sebarang ancaman, bukan sahaja dari segi kekuatan fizikal seperti senjata dan pasukan, tetapi juga dari aspek psikologi, iaitu

mewujudkan rasa gentar di kalangan musuh. Pendekatan ini mencerminkan konsep *fiqh al-ta'ahhub*, iaitu kesiap siagaan menyeluruh yang melibatkan strategi dan sumber untuk memastikan umat Islam berada dalam keadaan siap siaga menghadapi apa-apa kemungkinan.

Dalil ini juga menunjukkan betapa Islam sangat menekankan perancangan dan persiapan yang rapi untuk mencapai kemenangan atau mencegah kerugian dalam apa jua situasi, termasuk dalam konteks kehidupan moden yang melibatkan pelbagai cabaran dan risiko.

***Fiqh al-Ta'ahhub* dalam Pengurusan Industri Halal**

Dalam konteks pengurusan industri halal, *fiqh al-ta'ahhub* bertujuan untuk memelihara integriti halal, iaitu memastikan status halal pada produk dan sepanjang proses pengendaliannya terpelihara, bermula dari bahan mentah sehingga sampai ke tangan pengguna. Melalui konsep *fiqh al-ta'ahhub*, ia menjurus kepada pembentukan penilaian risiko terhadap perkara yang belum berlaku serta persediaan (*isti'dād*) untuk menghadapi risiko tersebut sekiranya menjadi realiti. Memelihara kehalalan produk merupakan tanggungjawab pihak yang menyediakan atau menghasilkan sesuatu produk agar terhindar daripada pencemaran, eksploitasi, penipuan, jenayah makanan, dan sebagainya (Abd Razak & Ramli, 2022). Oleh itu, tujuan *fiqh al-ta'ahhub* adalah selari dengan kaedah fikah (*qawā'id fiqhiyyah*) yang ditetapkan oleh para ulama (Al-Zuhailiy, 2006):

درء المفساد مقدم على جلب المصالح


Mengelak berlakunya kerosakan hendaklah didahului dari menarik masalah.

Terdapat juga hubungkait di antara *fiqh al-ta'ahhub* dengan beberapa kaedah yang lain seperti:

إذا تعارض مفسدتان روعي أعظمهما ضررًا بارتكاب أخفهما

Apabila bertembungnya dua *mafsadah*, maka dipelihara (ditolak) mudarat yang paling besar dengan melakukan mudarat yang lebih ringan.

Selain itu, ia juga dapat dikaitkan dengan kaedah usul seperti *sadd al-zara'i*; iaitu menutup pintu yang boleh membawa kepada kerosakan (Mohd Raffi et al., 2023), dan *fiqh ma'alat* (fiqh implikasi), kerana ini merupakan metode yang boleh diaplikasikan dalam konteks pengurusan risiko.

Rajah 1: Konsep *fiqh al-ta'ahhub* (fiqh kesiap siagaan)

Sumber: Olahan penyelidikan daripada al-Raysuni (2023)

Aplikasi *Fiqh Al-Ta'ahhub* Dalam Pengurusan Industri Halal

Industri halal merupakan sektor yang semakin pesat berkembang. Dalam konteks Malaysia, jaminan produk halal dapat dikawal melalui pelaksanaan sistem yang dikenali sebagai *Halal Assurance Management System* (HAS). Bagi menjaga integriti halal, HAS mensyaratkan agar pihak industri membangunkan satu sistem yang boleh membuat penilaian terhadap risiko, iaitu yang dinamakan sebagai *Halal Risk Management Plan* (HRMP). Hal ini kerana, risiko dalam rantaian bekalan halal adalah kompleks dan melibatkan pelbagai pertimbangan (Nor Azizah & Nor Hapiza Mohd, 2024; Khan et al., 2022). Berdasarkan Standard Malaysia MS2400:2019 Halal Supply Chain Management System, pengurusan risiko halal terdiri daripada 7 prinsip (Jabatan Standard Malaysia, 2019):

1. Identifikasi bahan pencemar halal yang berpotensi/*precursor*;
2. Kenalpasti langkah kawalan;
3. Kenalpasti Titik Kawalan Halal (HCP);
4. Kenalpasti sistem pengawasan terhadap HCP yang ditentukan;
5. Kenalpasti langkah pembetulan terhadap HCP yang ditentukan;
6. Kenalpasti prosedur pengesahan;
7. Dokumentasi dan pengurusan rekod.

Dalam konteks ini, pelaksanaan pengurusan risiko, khususnya dalam rantai bekalan, adalah sangat bertepatan dengan konsep *fiqh al-ta'ahhub*. Hal ini kerana sistem ini memerlukan pemegang taruh untuk mengenal pasti jenis ancaman yang boleh menjejaskan integriti halal, sama ada pada sumber bahan mentah daripada pembekal (Handayani et al., 2022), pada produk siap (Mohamed et al., 2020), mahupun semasa pengendaliannya. Ancaman yang dikenal pasti perlu dilakukan sebelum insiden berlaku, dan ini juga dikenali sebagai pendekatan proaktif (*proactive approach*) (Melin & Jensen Ehlers, 2021). Jelasnya, ini bertepatan dengan prinsip *ma'rifah al-tawaqqu' lil mustaqbal*. Dalam penentuan titik kritikal halal (HCP), segala kemungkinan akan disenaraikan, dan ini bertepatan dengan analisis *ihthimalāt* (dalam konteks ini, *ihthimalāt sayyi'ah*) seperti yang dikemukakan oleh moal-Raysuni (2023), iaitu bentuk-bentuk pencemaran yang boleh berlaku semasa sesuatu proses dijalankan. Bahkan, penentuan HCP itu sendiri sangat bertepatan dengan konsep *suu' al-zhann*, iaitu meletakkan sesuatu proses sebagai titik kawalan yang perlu dipantau kerana kemungkinan berlakunya pencemaran adalah signifikan.

KESIMPULAN

Fiqh al-ta'ahhub merupakan konsep yang menjelaskan tatacara dan pemikiran waspada terhadap perkara-perkara yang mendatang. Melalui kefahaman terhadap konsep ini, ia seharusnya diterjemahkan ke dalam kehidupan seharian. Selain itu, ia juga dapat digunakan dalam konteks makro dan mikro yang melibatkan urusan manusia, sama ada di peringkat negara atau individu, bagi memelihara kemaslahatan. *Fiqh al-ta'ahhub* adalah sebahagian daripada fikah masa hadapan atau *fiqh al-tawaqqu'* yang mengambil kira perkara yang bakal terjadi, yang kemudiannya akan dianalisis bagi menghasilkan persiapan yang rapi dan tersusun, khususnya untuk situasi yang tidak diingini. Kajian terhadap *fiqh al-ta'ahhub* memerlukan kajian yang lebih terperinci agar ia dapat menjadi panduan kepada masyarakat Muslim dalam menghadapi pelbagai situasi tidak menentu di zaman kontemporari kini.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) kerana sudi menerbitkan artikel ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis menyatakan kajian ini dilakukan secara ilmiah dan tidak wujud sebarang kepentingan terhadap mana-mana pihak.

SUMBANGAN PENGARANG

Penulis bersama-sama adalah Muhamad Afiq Abd Razak merangka dan menulis keseluruhan konsep dan idea kajian. Ammar Ismail menyumbangkan aspek sandaran dalil kepada pembangunan konsep manakala Mohd Zaid Daud menyemak dari sudut fiqh dan kesesuaiannya terhadap konsep dan idea kajian.

RUJUKAN

- Abd Razak, M. A., & Ramli, M. A. (2022). Direction of Food Defence in Post COVID-19 Era for Malaysia's Halal Ecosystem. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 8(Special Issue), 1-10.
- Abd Razak, M. A., & Ramli, M. A. (2022). Halal-Related Food Crimes: Concept And Mitigation Strategies. *al-Qanatr: International Journal of Islamic Studies*, 27(2), 246-252. <https://www.al-qanatr.com/aq/article/view/488>
- Al-Raysuni, A. (2023). الريسوني يحذّر من عدم الأخذ بفقّه التوقع والتأهب في مواجهة النوازل الكبرى. *Arabi21.com*. <https://arabi21.com/story/1538903/>
- Al-Zuhailiy. (2006). *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah wa tatbiqatiha fi al-Mazahib al'Arba'ah*. (Vol.1). Damsyik: Dar al-Fikr.
- Elgari, M. A. (2003). Credit Risk in Islamic Banking and Finance. *Islamic Economic Studies*, 10(2).
- Hamka. (1990). *Tafsir al-Azhar* (Vol. 9). Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Handayani, D. I., Masudin, I., Haris, A., & Restuputri, D. P. (2022). Ensuring The Halal Integrity of The Food Supply Chain Through Halal Suppliers: A Bibliometric Review. *Journal of Islamic Marketing*, 13(7), 1457-1478. <https://doi.org/10.1108/JIMA-10-2020-0329>
- Hassan, M. I. A., & Kamarulzaman, W. (2023). Anticipatory thinking vs Fiqh Tawaqu': Integrating the Western and Islamic perspectives. *International Journal of Advanced Research in Islamic and Humanities*, 5(4), 10-18.
- Ibn Kathir. (2000). *Tafsir al-'Azim*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Jabatan Standard Malaysia. (2019). MS2400-1:2019 Halal Supply Chain Management System – Transportation General Requirements. Cyberjaya: Department of Standards Malaysia
- Khan, S., Khan, M. I., Haleem, A., & Jami, A. R. (2022). Prioritising the risks in Halal food supply chain: an MCDM approach. *Journal of Islamic Marketing*, 13(1), 45-65. <https://doi.org/10.1108/JIMA-10-2018-0206>
- Melin, A., & Jensen Ehlers, J. (2021). Development of a Proactive Supply Risk Management Model.
- Mohamed, Y. H., Abdul Rahim, A. R., & Ma'aram, A. (2020). The Effect of Halal Supply Chain Management on Halal Integrity Assurance For The Food Industry in Malaysia. *Journal of Islamic Marketing*, 12(9), 1734-1750. <https://doi.org/10.1108/JIMA-12-2018-0240>
- Mohd Raffi, R., Hamidun, N. N., & Pungut, B. S. (2023). Best Practice in Halal Frozen Meat Products in Brunei Darussalam: A Legal Review. *Halalsphere*, 3(2), 28-31. <https://doi.org/10.31436/hs.v3i2.81>
- Nor Azizah, J., & Nor Hapiza Mohd, A. (2024). Risk Factors Analysis in Halal Supply Chain Management System. *Journal of Advanced Research in Applied Sciences and Engineering Technology*, 46(2), 213-226. <https://doi.org/10.37934/araset.46.2.213226>

Qutb, S. (2003). *Fī Zilāl al-Qurān* (Vol. 11). Kaherah: Dar al-Syuruq.

Radin Eksan, S. H. (2020). Halal Risk Management: A Systematic Literature Review. *Journal of Management and Muamalah*, 10(2), 58-70. Retrieved from <http://jmm.kuis.edu.my/index.php/jurnal/article/view/6>

Radzi, R. M., Saidon, I. M., & Ghani, N. A. (2016). Risk Management In Food Supply Chains by Japanese Food Companies in Malaysia. *International Journal of Business Management and Economic Research*, 7(6), 778-787.



© 2024 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY SA) license (<https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/>).